

# Dominasi IPTA

## 26,200 pelajar perempuan ditawar tempat pengajian



>>Oleh Kamarulzaman Pid

amar@hmetro.com.my

**P**UTRAJAYA: Pelajar perempuan mendominasi kemasukan ke Institusi Pengatian Tinggi Awam (IPTA), apabila menguasai 65 peratus atau 26,200 tempat daripada 40,336 tempat yang ditawarkan bagi sesi pengajian 2009/2010.

Ketua Pengarah Jabatan Pengajian Tinggi, Prof Datuk Dr Radin Umar Radin Sohadi, berkata perkara itu timbul berikutan dasar pengambilan pelajar ke IPTA berdasarkan prinsip meritokrasi.

“Walaupun perbezaan gender ini sering ditimbulkan setiap tahun, kita tidak mempunyai cara mengatasinya kerana dasar pengambilan dan pemilihan pelajar adalah berdasarkan prinsip merito-

krasi iaitu 90 peratus markah akademik dan 10 peratus markah kokurikulum bagi menentukan nilai merit seorang calon,” katanya pada sidang media pengumuman status keputusan permohonan kemasukan ke Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) bagi program ijazah pertama bagi sesi akademik 2009/2010 di sini, semalam.

Dr Radin Umar berkata, daripada 40,366 calon berkenaan, seramai 27,829 atau 68.9 peratus adalah Bumi-putera, Cina (10,166 calon atau 25.1 peratus) dan India serta bangsa lain 2,421 calon atau enam peratus.

“Jumlah keseluruhan calon yang berjaya itu termasuk 3,599 tempat yang ditawarkan Universiti Sains Malaysia (USM).

“Daripada jumlah itu, 24,581 atau 60.9 peratus adalah calon aliran sains dan 15,785 atau 39.1 peratus calon aliran sastera,” katanya.

Beliau berkata, seramai 4,424 atau 96.7 peratus da-

ripada 4,574 calon yang tersalah ditawarkan tempat pengajian oleh USM berikutan kesilapan teknikal pada 29 Mei lalu, berjaya dalam pemilihan kemasukan ke IPTA.

“Baki 150 calon yang tidak mendapat tawaran akan dipertimbangkan USM dalam kes rayuan,” katanya.

Katanya, dalam beberapa kes, ada calon yang mempunyai Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) 4.00 yang tidak memperoleh pilihan program pengajian pertama mereka berikutan mempunyai markah kokurikulum yang rendah.

“Dalam hal ini, kedudukan mereka dalam merit lebih rendah berbanding calon mempunyai nilai PNGK yang rendah sedikit tetapi mempunyai markah kokurikulum yang tinggi,” katanya.

Beliau berkata, kejayaan calon memperoleh tempat di IPTA juga bergantung kepada susunan merit dan pilihan program di IPTA yang dipohon.